

11 NOV 1997

Petronas-Perancis

SIASATAN AS: PETRONAS BERHAK UNTUK TIDAK BERI KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Petronas berhak untuk tidak memberi maklumat kepada pegawai Amerika Syarikat (AS) yang akan ke sini untuk menyasat penglibatannya dengan projek cari gali minyak di Iran, kata Duta Perancis ke Malaysia, Eduard Braine di sini hari ini.

"Sekiranya mereka datang ke sini, hanya sambut mereka sebagai kawan," katanya kepada pemberita pada majlis menandatangani memorandum pefahaman antara MARA dengan Citcom France SA dan Rose Production Sdn Bhd bagi memasang kemudahan pembelajaran jarak jauh di sini.

Braine diminta mengulas mengenai laporan bahawa seorang pegawai kanan AS akan tiba di sini 18 Nov ini bagi menyasat kedudukan Petronas dalam projek berkenaan yang juga melibat syarikat Perancis, Total SA.

Petronas, Total, syarikat Rusia Gazprom, Bow Valley (Kanada) dan Kumpulan Bakrie (Indonesia) telah menandatangani usahasama bernilai AS\$2 bilion (RM6.6 bilion) dengan Iran untuk projek mencari gali gas di sebahagian kawasan minyak Pars Selatan.

AS sedang mencuba untuk menguatkuasa undang-undangnya untuk mengenakan tindakan ke atas mana-mana syarikat yang melabur lebih dari AS\$20 juta setahun dalam sektor gas dan minyak di Iran dan Libya, yang disenaraikannya sebagai antara negara-negara penaja keganasan.

Braine yang mengakui negara sedang menghadapi masalah yang sama berkata undang-undang AS itu tidak boleh dikuatkuasakan ke atas negara-negara lain.

"Undang-undang Amerika hanya boleh dikuatkuasakan di Amerika dan begitu juga dengan Malaysia dan Perancis," katanya.

Katanya sekiranya ia menyentuh isu-isu antarabangsa, undang-undang antarabangsa boleh digunakan sebagaimana yang dipersetujui oleh negara-negara dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Braine berkata Presiden Perancis Jacques Chirac akan mengumumkan pendirian kerajaannya mengenai isu itu pada perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi minggu depan.

Chirac dijadual tiba di Langkawi Ahad ini untuk lawatan selama dua hari. -- BERNAMA

MT WAT